

22/05/2002

Jepun sokong cadangan Asean+3

TOKYO, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Jepun memberi sokongan terhadap cadangan Malaysia menubuhkan Sekretariat Asean+3 di negara ini.

Perdana Menteri berkata, sokongan Jepun itu dinyatakan Perdana Menteri Junichiro Koizumi dalam pertemuannya ketika lawatan kerja tiga harinya di sini hari ini.

Asean+3 dianggotai semua negara anggota Asean dan Jepun, Korea Selatan dan China.

Dr Mahathir berkata, beliau berharap penubuhan Sekretariat Asean+3 itu akan menjadi langkah awal pembentukan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG) yang formal.

"Saya harap begitu," katanya kepada wakil media Malaysia yang membuat liputan lawatannya, di sini malam ini.

Mengenai sama ada China dan Korea Selatan memberikan sokongan terhadap penubuhan sekretariat itu, Dr Mahathir berkata, China sejak awal lagi memberikan sokongan, malah menyokong penubuhan EAEG.

Beliau berkata, Korea Selatan juga begitu berminat dengan cadangan menjadikan Asean+3 dijadikan pertubuhan yang lebih formal.

"Sokongan itu datang daripada Presiden Korea Selatan (Kim Dae Jung) sendiri," katanya.

Perdana Menteri berkata, selain membincangkan penubuhan sekretariat Asean+3, pertemuan dengan Koizumi berkisar mengenai pinjaman mudah Jepun bagi projek prasarana di Malaysia.

Beliau berkata, ketika ini, cuma satu saja pinjaman mudah dari negara itu yang belum diluluskan, iaitu pembiayaan projek menyalurkan bekalan air dari Pahang ke Selangor kerana bantahan beberapa pertubuhan alam sekitar.

Mengenai pertemuannya dengan Dr Kisho Kurokawa berhubung pelaksanaan projek Biovalley, Perdana Menteri berkata, dalam pertemuan itu Dr Kurukawa turut membawa bersamanya ahli akademik yang terbabit dalam bidang penyelidikan genetik binatang dan tumbuhan, di samping wakil syarikat farmaseutikal yang terbabit dalam penyelidikan bagi penemuan kompaun yang boleh digunakan bagi mengubati pelbagai penyakit.

"Mereka menyatakan hasrat untuk bekerjasama dengan Malaysia dan melatih saintis Malaysia dalam teknik penyelidikan canggih itu," katanya.

Dr Mahathir berkata, antara lain, projek Bio Valley akan mempunyai tiga institusi yang terbabit dalam penyelidikan bidang `genomics'.

Projek Biovalley terletak berdekatan Koridor Raya Multimedia (MSC) dan berkemungkinan projek e-Village termasuk dalam projek berkenaan.

Mengenai tempoh masa pelaksanaan projek itu, Perdana Menteri, berkata ia akan mengambil masa kerana projek itu membabitkan penubuhan unit penyelidikan dan kerajaan perlu menyediakan bangunan dan pelbagai kemudahan bagi membolehkan saintis Malaysia melaksanakan penyelidikan bersama penyelidik Jepun dan negara lain.

Mengenai pembatalan pertemuan tidak dijadual dengan bekas Presiden Amerika Syarikat, Bill Clinton petang ini, Dr Mahathir berkata, pada mulanya ia sudah dipersetujui, tetapi Clinton meminta ia diadakan pada waktu lain.

"(Ia dibatalkan kerana) saya tidak lapang pada waktu itu," kata Perdana Menteri.

Clinton yang berada di sini bagi menghadiri acara berasingan menginap di Hotel Imperial, sama dengan Perdana Menteri.

Dalam lawatan kerja hari keduanya hari ini, Perdana Menteri menerima kunjungan Menteri Kewangan Jepun, Masajuro Shiokawa. Beliau juga ditemubual secara eksklusif oleh akhbar Nihon Keizai Shinbun dan stesyen televisyen NHK.

Esok, iaitu hari terakhir lawatan, Perdana Menteri ke Nagasaki bagi menyempurnakan majlis memberi nama kapal baru milik Malaysia International Shipping Corporation Bhd (MISC), di Loji Koyagi, Nagasaki Shipyard & Machinery Works, Mitsubishi Heavy Industries Ltd.

Pada petangnya, Dr Mahathir berlepas ke Seoul, Korea Selatan bagi lawatan rasmi tiga hari ke republik itu.

Perdana Menteri dijadual bertemu Presiden Korea Selatan, Kim Dae Jung, di samping pertemuan pada majlis makan tengahari dengan empat persatuan perniagaan utama republik itu.

Persatuan berkenaan ialah Persekutuan Perniagaan Kecil dan Sederhana Korea (KFSB), Persekutuan Industri Korea (FKI), Dewan Perdagangan dan Industri Korea (KCCI) dan Persatuan Perdagangan Antarabangsa Korea (KITA).

Perdana Menteri juga akan melawat Pusat Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Hyundai Motor, di Gyeonggi-do; LG Chemical Investment (LCCI) dan Inisiatif Pusat Penyelidikan Teknologi Satelit (SaTReCi) di Daejon.

(END)